



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### MORATORIUM 30 HARI BAGI SERAH SIMPAN DOKUMEN BERKANUN DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016 DAN AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah moratorium yang ini?	<p>Moratorium 30 Hari selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/ 'Total Lockdown' bagi serahsimpan dokumen-dokumen berkanun di bawah Akta Syarikat 2016 (AS 2016) dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (APLT 2012) untuk :</p> <p>(a) Semua dokumen berkanun di bawah AS 2016 dan APLT 2012 yang perlu diserahkan kepada Pendaftar dalam tempoh PKP/ 'Total Lockdown'; dan</p> <p>(b) Fi lewat serah simpan dikecualikan.</p>
2	Bilakah tarikh pelaksanaan moratorium ini?	Tarikh pelaksanaan moratorium ini adalah bermula pada 1 Disember 2021 sehingga 31 Disember 2021.

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
3	Apakah dokumen berkanun yang terlibat di dalam moratorium ini?	<p>Dokumen berkanun yang terlibat adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Dokumen berkanun syarikat di bawah AS 2016; dan</li> <li>(b) Dokumen berkanun di bawah APLT 2012.</li> </ul>
4.	Apakah saluran serah simpan dokumen berkanun tersebut?	<p>Dokumen berkanun boleh diserahkan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Kaunter Perkhidmatan (melalui temujanji bagi Pejabat-Pejabat SSM yang berada di Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN));</li> <li>(b) Dropbox (tanpa temujanji);</li> <li>(c) MBRS; dan</li> <li>(d) Sistem MyCoID2016.</li> </ul>
5.	Adakah bayaran lewat serah simpan akan dikenakan sekiranya dokumen diserahkan selepas 31 Disember 2021 iaitu pada atau selepas 1 Januari 2022?	Ya, berkuatkuasa pada 1 Januari 2022, pelanggan yang lewat membuat serahsimpan dokumen-dokumen berkanun di bawah AS 2016 dan APLT 2012 akan dikenakan fi lewat serah simpan.

Tarikh: 5 November 2021